



5 Ogos 2020, Rabu

44 pelanggan bertuah menang baucar RM5,000



Antara pelanggan bertuah memenangi baucar bernilai RM 5,000

KUMPULAN Suria KLCC memberi ganjaran hebat kepada pelanggannya menerusi kempen The Golden Ticket yang berlangsung di ketiga-tiga pusat membeli-belahnya iaitu Suria KLCC, pusat membeli-belah Alamanda di Putrajaya dan Mesra Mall di Kuala Terengganu, dari 19 Jun hingga 19 Julai 2020.

Pelanggan berpeluang meraih hadiah utama iaitu baucar bernilai RM5,000 (Suria KLCC), baucar bernilai RM1,000 (Alamanda) dan baucar bernilai RM1,500 (Mesra Mall) apabila mereka berbelanja dengan jumlah minimum di setiap pusat membeli-belah itu.

Setakat 22 Julai 2020, terdapat 44 pemenang yang membawa pulang baucar beli-belah bernilai RM5,000 di Suria KLCC dan 33 pemenang telah memenangi baucar beli-belah bernilai RM1,500 dan RM1,000 di Mesra Mall dan Alamanda.

Kempen 'The Golden Ticket' di Suria KLCC juga menawarkan peluang kepada pembeli yang mengambil bahagian untuk memenangi penginapan 3 hari 2 malam di 'Park Suite' mewah untuk dua orang di Mandarin Oriental, Kuala Lumpur. Lima pemenang bertuah akan dipilih secara rawak setelah kempen berakhir pada 2 Ogos 2020.

Ketua Pegawai Eksekutif Suria KLCC Sdn Bhd, Andrew Brien, berkata kempen 'The Golden Ticket' adalah kempen terbesar Kumpulan Suria KLCC tahun ini kerana nilai hebat baucar beli-belah yang ditawarkan, di mana pelanggan kami pasti mendapat ganjaran setiap hari ketika mereka berbelanja di Suria KLCC, Alamanda dan Mesra Mall."

"Untuk memastikan keselamatan dan kesihatan pelanggan serta pengunjung, kami sentiasa mematuhi keselamatan dan amalan kebersihan berpandukan prosedur operasi standard (SOP) Kementerian Kesihatan yang ketat."

"Dengan adanya SOP ini, kami menjamin operasi perniagaan tanpa gangguan sambil menjaga kesejahteraan pelanggan. Kami telah menerima maklum balas positif daripada pengunjung dan pembeli kami bahawa mereka berasa sangat selamat dengan langkah keselamatan yang telah dilaksanakan," katanya.

(Source: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/08/718328/44-pelanggan-bertuah-menang-baucar-rm5000>)